

19/03/1997

Alam sekitar aset negara

JERANTUT, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu rakyat memelihara alam semula jadi kerana ia adalah aset dan modal besar dalam sektor pelancongan, yang boleh menjadi sumber pendapatan berkekalan.

Tindakan memusnahkan alam semula jadi akan menyebabkan pelancong tidak lagi tertarik untuk pergi ke destinasi tertentu, manakala pengusaha tidak memperoleh pendapatan.

Menurut Perdana Menteri, alam semula jadi negara ini lebih cantik dan menarik berbanding negara lain. Oleh itu, ia perlu dinikmati oleh semua rakyat apabila kerajaan menyediakan pelbagai kemudahan tanpa merosakkan keindahannya sehingga tidak menarik pelancong.

"Alam semula jadi boleh digunakan untuk memajukan diri kita. Ini adalah aset dan kurniaan Tuhan kepada kita. Terpulanglah kepada kita menggunakan kecantikan alam ini.

"Pelancongan dapat tambah pendapatan kita. Tetapi kalau kita tidak jaga alam semula jadi, pelancong tidak akan datang. Bila tak datang, kita tidak boleh dapat pendapatan.

"Alam semula jadi adalah modal besar yang kita perlu pelihara supaya ia memberi hasil sepanjang masa," katanya berucap pada jamuan dengan penduduk Kuala Tahan, Taman Negara dekat sini, hari ini.

Sebelum itu, Perdana Menteri merasmikan jambatan gantung terpanjang di dunia yang terletak kira-kira 1.5 kilometer dari pusat pentadbiran Taman Negara di Kuala Tahan.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, tiba di Taman Negara kira-kira 6.40 petang semalam dan menginap di Taman Negara Resort. Lawatan ini adalah yang kedua selepas beliau datang ke Kuala Tahan pada 1986.

Beliau juga membidas golongan yang cukup sayang kepada kecantikan alam semula jadi sehingga tidak sanggup membiarkan orang lain melihat dan menikmatinya.

Menurutnya, alam semula jadi adalah kurniaan Tuhan kepada manusia tetapi mereka harus berhati-hati menggunakannya supaya keindahan dan kecantikannya tidak terjejas.

"Cara mana kita gunakannya amat penting kerana ia akan menentukan kita kaya atau miskin," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerajaan mahu menolong rakyat menambah pendapatan tetapi mereka perlu berusaha menggunakan alam semula jadi untuk memajukan diri sendiri.

"Kita mahu kelas pertengahan terutamanya Bumiputera bertambah. Sebab itu rakyat harus berusaha kerana kerajaan hanya beri tunjuk ajar. Kerajaan mahu bantu rakyat tetapi ada yang mahu buang peluang itu.

"Kita buka rancangan Felda di Perlis tetapi kini mereka dah kaya dan gunakan khidmat orang Thai untuk toreh getah. Orang Thai penuh dalam rancangan Felda dan buat rumah di situ dan tak lama lagi tanah itu jadi dia punya," katanya.

Mengenai lawatannya ke Taman Negara, Dr Mahathir berkata, beliau berpuas hati dengan pembangunan di sekitar kawasan itu.

Banyak perubahan dapat dilihat sejak kali terakhir beliau ke sana 11 tahun lalu.

(END)